

26 NOV 2002

DR MAHATHIR SELAMAT PULANG DARI MESYUARAT DI PARIS

SUBANG, 26 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kembali ke tanah air hari ini selepas menghadiri satu mesyuarat mengenai pembangunan semula Lubnan di Paris.

Ketibaan Perdana Menteri di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di sini disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis.

Pada mesyuarat sehari di Paris itu, Malaysia menawarkan pinjaman US\$300 juta (RM1.14 bilion) untuk membantu program pembangunan semula di Lubnan.

Selepas mesyuarat itu, Dr Mahathir telah ke London untuk melawat satu pameran kraftangan anjuran Kraftangan Malaysia.

-- BERNAMA
MAM AZZ MAI